NEWS CLIPPING

Client: **Exabytes Network**

Publication: Kosmo Format: Hardcopy

Subject: **Exabytes Adds Offer on E-commerce Services**

Date: 16 December 2014

PR Value: RM 13.500



Koperasi tingkat taraf hidup ahli

Exabytes tambah tawaran perkhidmatan e-dagang



PUCHONG - Exabytes Network Sdn. Bhd. (Exabytes), penyedia perkhidmatan pengehosan web di Malaysia mengunjurkan peningkatan nilai transaksi kepada tiga digit bagi tahun 2015 menerusi rangkaian dagangan elektronik (e-dagang), Easystore.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Chan Kee Siak berkata, peningkatan itu adalah berbanding berbanding RM12 juta nilai transaksi setahun yang dicatatkan pada tahun lalu.

"Pada tahun 2015, kami menjangkakan pasaran e-dagang akan berkembang dengan pesat menerusi kemunculan pelbagai syarikat besar termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang mula menerokai segmen runcit dalam talian.

"Dengan mempelbagaikan lagi penawaran, kami optimis dapat menarik lebih banyak peniaga dan pelanggan untuk berurus niaga dalam perkhidmatan yang disediakan," katanya pada sidang akhbar sempena majlis menan-



KEE Siak (kanan) menukar dokumen dengan Ketua Pegawai Eksekutif Celcom Planet, Hoseok Kim pada majlis menandatangani perjanjian persefahaman di antara Exabytes dengan Celcom Planet di Puchong, Selangor semalam.

datangani perjanjian persefahaman dengan Celcom Planet Sdn. Bhd. (Čelcom Planet) bagi menyediakan lebih banyak penawaran perkhidmatan e-dagangnya di sini semalam.

Celcom Planet merupakan syarikat usaha sama antara Celcom Axiata Bhd. dengan SK Planet, penyedia platform pasaran e-dagang terbuka terbesar

Sementara itu, menurut Kee Siak, menerusi usaha sama antara Exabytes dengan Celcom Planet tersebut, pihaknya menyasarkan untuk meningkatkan bilangan peniaga di platform

Easystore kepada dua kali ganda pada tahun depan berbanding lebih 10,000 syarikat yang ada pada masa ini.

Menerusi kerjasama tersebut, para pelanggan Exabytes antaranya turut dapat menembusi pasaran e-dagang yang disedia-kan Celcom Planet termasuk platform utamanya, 11ST.

Selain itu, kedua-dua syarikat juga bakal mewujudkan platform e-dagang baharu yang akan dilancarkan tidak lama lagi yang bertindak sebagai pusat penyelesaian sehenti bagi menawarkan pelbagai perkhidmatan dalam